

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, September 2, 2019 3:07 PM
To: UUM - All Staff; Staf - Pesara UUM
Subject: Mencari Ketenangan Selepas Bersara – Ustaz Kazim



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

02 SEPTEMBER 2019 / 02 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

MENCARI KETENANGAN SELEPAS BERSARA – USTAZ KAZIM



UUM ONLINE: “Kita mahu mencari ketenangan dan kedamaian sehingga ada yang mengembara, memanjat gunung, menyelam dan bertapa di gua tetapi ketenangan yang dicari tidak seperti yang diharapkan.

“Jika inginkan ketenangan buatlah sesuatu yang Allah reda kerana kemuncak ketenangan adalah dengan mendekati Allah.”

Demikian kata Ustaz Dato’ Mohd Kazim Elias dengan tajuk Mencari Kedamaian Jiwa Di Alam Persaraan dalam Seminar Prapersaraan 2019 anjuran Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UUM, di HIG Hotel, Pulau Langkawi.

Ramai orang yang timbul masalah selepas bersara misalnya kena tipu, duit habis, hutang bertimbun apabila pemikiran celaru bagaimana nak datang kedamaian?

“Ada yang kecewa, tidak seronok, tertekan tetapi kenapa pilih yang mengecewakan, mengapa kita tidak belajar dari pengalaman bukannya pengalaman adalah guru terbaik untuk kita mempelajari sesuatu?”

“Bila Allah sayang pada kita Allah turunkan rahmat adakalanya kita rasa pelik ada yang anak sakit sawan 150 kali sehari tetapi mak ayah tenang menghadapi ujian anak syurga, ini kerana mereka dekat dengan-Nya.

“Rahmat Allah sangat luas dan pelbagai bentuk kalau kita faham kita akan enjoy, *Dan berilah gembira kepada orang yang sabar..* bila kita sabar diuji akan ada keseronokan dan kedamaian kepada kita,” katanya.

Pesannya, sebaik sahaja pencen, bayar semua hutang yang ada, selesaikan pusaka mak ayah dengan bincang baik-baik dan sambung silaturahim dengan adik beradik.

“Kalau dulu panas baran bila tua hilangkan baran, ego dan selesaikan satu persatu masalah yang tertunggak. Apa yang kita nak di usia begini?”

“Bila rahmat Allah meliputi kita, kita rasa bahagia, tenang, Allah pelihara keluarga, harta dan perjalanan hidup kita,” tambahnya.

Ujarnya, Nabi Muhammad SAW berpesan empat cara untuk mendapat rahmat Allah iaitu menyantuni orang miskin misalnya memberi makan dan sumbangan seterusnya ketenangan akan datang.

Kedua, berkasih sayang dengan orang yang lemah seperti orang sakit, cacat, warga emas misalnya menziarah pesakit di hospital dan mengadakan konvoi yang sarat dengan perkara baik dan ketiga, orang yang memberi manfaat kepada ibu ayah.

Selain itu, beliau turut berkongsi 3 tips agar iman bertambah iaitu menjaga akhlak, warak (elakkan dosa) dan berlemah lembut.

“Bagaimana nak tenang? Ketenangan datang sebab pahala jadi *enjoy your life* walaupun sakit diuji reda dengan apa yang Allah bagi sama ada susah atau senang.

“Kalau dulu tidak sempat takkan dah pencen pun tak sempat ini saat untuk buat perkara yang banyak kita terlepas. Bila Allah bagi kerehatan, ambillah kerehatan dengan sebaiknya,” ujarnya.

Katanya, sesiapa sembahyang subuh berjemaah maka ia berada dalam pemeliharaan Allah, kedamaian dan pertolongan Allah akan turun jadi jangan miss subuh di masjid, diikuti zikir, baca al-Quran dan solat Dhuha lalu Allah beri pahala seumpama mengerjakan umrah.

“Jaga perintah Allah, Allah akan jaga kamu. Tutup buku lama, buka buku baru, buang sifat yang tidak baik. Saya pernah jumpa bekas ketua polis yang sudah pencen buang *title boss* dan menjadi sukarelawan masjid dengan vakum karpet, cuci tandas, mop lantai dan lap tingkap masjid.

“Tunjukkan sekarang aku nak jaga Allah puasa, zakat, quran tak tinggal jadi, urusan lain Allah selesaikan,” luahnya.

Selain slot pengisian mendidik jiwa, UUM turut menampilkan Pegawai Dietetik dari Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar, Noorlailina Moha Mohtar dengan tajuk Penjagaan

Kesihatan di Alam Persaraan. Beliau merupakan pengarang buku “Nudin, Apabila Dietitian Berbicara” serta kolumnis dalam Mingguan Wanita & Pa & Ma.

Selain itu, penceramah dari Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dengan tajuk e-Usahawan Sebagai Satu Pilihan Di Alam Persaraan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Agensi Kaunseling Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.